

LAMPIRAN 12 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 12 TARIKH: 9 OGOS 2019 (JUMAAT)

Penentang awal Lynas mengaku silap

KUANTAN 8 Ogos - Berpegang kepada fakta saintifik dan realiti semasa, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Beserah, Andansura Rabu yang merupakan antara individu terawal lantang menentang pembukaan kilang Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) di Gebeng, di sini kini menerima kenyataan bahawa operasi memproses nadir bumi itu se-lamat.

Beliau meng-akui pendiriannya berhubung operasi Lynas sudah berubah dan berlapang dada untuk menerima hakikat bahawa persepsi negatifnya terhadap kilang berkenaan adalah tidak betul.

Andansura

berkata, beliau menentang operasi kilang Lynas pada 2012 berdasarkan data sejarah dan pengalaman pihak lain berhubung kesan dialami dengan kilang penapis nadir bumi sebelum ini di Bukit Merah, Perak dan kebocoran radiasi yang berlaku di Fukushima, Jepun akibat kejadian gempa bumi serta tsunami.

"Kerajaan pada masa itu meneruskan pembukaan Lynas hingga beroperasi dan kita kena terima kilang berkenaan sudah ada di situ. Saya memantau sendiri dari semasa ke semasa sejak tahun pertama dan tiada perubahan persekitaran untuk air, udara serta tanah.

"Sekarang sudah tujuh tahun dan saya mendapati memang saya mungkin silap dalam membuat andaian pada awal dulu," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyertai program Ceramah Perdana dan Solat Hajat anjuran Lynas di Masjid Negeri Sultan Ahmad Shah 1, di sini malam tadi.

Program berkenaan turut disertai Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan negeri Datuk Seri

Syed Ibrahim Syed Ahmad, Presiden Majlis Belia Negeri Pahang (MBNP) Wan Emril Wan Embong, Pengurus-Kanan Sumber Manusia Lynas Jumaat Mansor, pemimpin-pemimpin masyarakat setempat dan pekerja kilang memproses nadir bumi berkenaan.

Dalam program itu kira-kira 1,500 jemaah menunaikan solat hajat antara lain bagi memohon mempermudah segala urusan Lynas dan dapat beroperasi seperti biasa selain memberi hidayah kepada pihak-pihak yang memandang serong terhadap kewujudan syarikat berkenaan.

Selain itu, solat hajat berkenaan sempena peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang bakal diduduki pelajar sekitar daerah ini tidak lama lagi.

Program itu dimulakan dengan solat maghrib berjemaah, ucapan alu-aluan oleh Jumaat diikuti ceramah oleh Imam Masjid Negeri Datuk Badli Shah Alauddin dan penceramah undangan Zul Ramli M. Razali bertajuk *Fitnah, Bencana Akhir Zaman*.

Andansura yang menjadi wakil rakyat Beserah iaitu kawasan terletak berhampiran Lynas sejak 2013 percaya ramai dalam kalangan mereka yang menentang pembukaan kilang itu dahulu mendapat persepsi yang salah mengenainya.

Sementara itu, Jumaat memberitahu, majlis solat hajat berkenaan bukan kali pertama dilakukan tetapi pekerja Lynas mengadakan setiap minggu bermula tahun lepas di kilang mereka di Gebeng.

Katanya, pemilihan untuk menganjurkan solat hajat di Masjid Negeri Sultan Ahmad Shah 1 semalam memandangkan mengikut tarikh kalendar Islam ialah 6 Zulhijah 1440H yang mempunyai banyak kelebihan khususnya pada 10 hari pertama bulan tersebut.

"Keputusan berhubung lesen operasi kami juga akan diketahui pada 15 Ogos ini," katanya.



ANDANSURA RABU